

SINOPSIS

Kajian ini adalah satu kes kajian ke atas gereja Sitiawan Wesley Methodist. Pada awalnya sejarah kemasukan Methodism ke Malaysia berserta dengan struktur perjalanan organisasinya pada hari ini telah disentuh untuk memberi satu latar belakang mengenai gereja Methodist. Kemudian sejarah kemasukan Methodism ke Sitiawan telah disentuh untuk memberi satu gambaran bagaimana agama Kristian mahzab Methodist ini telah bertapak di Sitiawan. Struktur perjalanan organisasi gereja Sitiawan Wesley berserta dengan tugas-tugas jawatankuasanya telah dikaji dan disertakan. Aktiviti-aktiviti gereja Sitiawan Wesley ini juga turut dikaji untuk melihat perannya sebagai sebuah institusi agama. Perayaan-perayaan yang disambut oleh gereja ini juga telah dilihat untuk memberi satu gambaran yang lebih jelas mengenai penganut Kristian mahzab Methodist ini. Kemudian isu pergerakan Karismatik yang kian merebak sejak ia bertapak di Malaysia telah dilihat dan dikaji dari perspektif penganut Kristian mahzab Methodist serta gereja Sitiawan Wesley Methodist.

Penghargaan.

Segala kemuliaan dan puji-pujian ke hadirat Tuhan kerana kasih karunia dan kekuatanNya saya dapat menyiapkan latihan ilmiah ini.

Saya ingin menyatakan penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada penyelia saya, Dr. Raymond Lee, yang banyak bersabar dan meluangkan masa untuk mendengar, membimbing, menasihati dan memberi galakan yang amat bernilai kepada saya.

Kepada Encik Koh Eng Bing, saya ucapkan terima kasih kerana sudi meminjamkan tesisnya kepada saya. Begitu juga dengan Encik Theodore R. Doraisamy selaku pengerusi Arkib Methodist Singapura yang telah menolong dalam pencarian dokumen-dokumen yang dikehendaki. Tidak dilupakan jasa Encik Yong Chee Seng selaku pengerusi Methodist Education Board yang telah meluangkan masa menolong mencari dokumen-dokumen serta begitu berminat sekali dalam kajian pengkaji.

Terima kasih juga diucapkan kepada Rev. Hwa Chien, paderi gereja Sitiawan Wesley, Rev. Wong Ong Thau, paderi gereja Trinity, Petaling Jaya, Rev. Daniel Lim, Rev. Robert Hunt, pengajar di Seminari Teologi Malaysia, Encik Ling Keng Neo, Encik Tan Yee Ho, Puan Moses Tay, Encik Yong Diong Lee, Encik Nga Hoch Cheh, Rev.T.C.Nga ke atas segala pertolongan mereka.

Penghargaan khas ditujukan kepada Paul yang sudi meminjamkan komputernya untuk menyiapkan latihan ilmiah ini. Penghargaan juga ditujukan kepada Matthew dan Fong yang telah membacanya serta mencetaknya. Terima kasih juga kepada rakan-rakan lain yang secara langsung atau tidak telah membantu dalam menyiapkan latihan ilmiah ini melalauai doa, galakan dan bantuan mereka. Kesemuanya amat saya hargai dan tetap diingati.

Michael Lee Jchew Choy
Jabatan Antropologi dan Sosiologi
Fakulti Sastera dan Sains Sosial
Universiti Malaya
Kuala Lumpur.
Disember, 1991.